

Titah Ucapan

DYMM Yang di-Pertuan Besar

Negeri Sembilan Darul Khusus

Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir

Istiadat Persidangan Kedua (Perasmian)

Penggal Pertama,

Dewan Undangan Negeri Ke-15

Isnin, 9 Oktober 2023

Bismillahir Rahmanir Rahim

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam
Sejahtera.**

**Yang Di-Pertua Dewan dan Ahli-Ahli Dewan Undangan
Negeri Sekalian.**

1. Segala puji bagi Allah yang memiliki dan menguasai semesta alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat Baginda.

2. Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan kekuasaan-Nya Beta dan Tunku Ampuan Besar dapat berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Persidangan Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Ke-15 pada pagi ini.

Pendahuluan

3. Alhamdulillah, Pilihan Raya Umum Negeri Ke-15 telah pun berlalu dan dilaksanakan dalam suasana yang aman dan harmoni. Justeru, Beta ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, anggota keselamatan, semua agensi Kerajaan dan rakyat yang telah melaksanakan kewajipan masing-masing.

4. Beta mengucapkan tahniah kepada Menteri Besar, Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun yang telah memperoleh mandat untuk terus mengetuai kepimpinan kerajaan. Tahniah juga diucapkan kepada semua Wakil Rakyat yang telah terpilih.

5. Penghargaan juga diucapkan kepada ahli dewan terdahulu yang telah melaksanakan tugas dalam memastikan negeri ini diurus dengan baik dan harmoni. Justeru, suasana muhibah yang telah wujud perlu terus dipelihara agar negeri ini bertambah maju serta berkekalan menjadi kebanggaan generasi yang akan datang.

Harapan Rakyat

6. Negara dan negeri ini telah melalui sebanyak 15 kali proses pilihan raya secara demokrasi bagi menentukan pucuk pimpinan kerajaan. Namun, baru-baru ini kita dapat melihat perubahan besar dalam landskap politik dan corak pentadbiran kerajaan. Beta menyambut baik permuafakatan yang tercapai di kalangan pimpinan parti untuk membentuk sebuah kerajaan yang stabil dan utuh. Dengan demikian, kerajaan Beta boleh menumpukan daya usaha untuk memperkuatkan tekad bagi membangunkan kemajuan negeri dan menjana pertumbuhan ekonomi yang akan menjamin kesejahteraan rakyat Beta.

Ekonomi dan Prestasi Kewangan Negeri

Ahli-Ahli Dewan Sekalian,

7. Secara umumnya, seperti mana kesan ekonomi yang menimpa negara, Negeri Sembilan juga tidak terkecuali daripada menerima tempias cabaran ekonomi global termasuk ketidaktentuan ekonomi pasca pandemik COVID-19, krisis geopolitik yang membawa kesan kepada rantai bekalan, dan tekanan inflasi yang meningkatkan kos sara hidup. Namun begitu, hasil kerjasama dan komitmen semua pihak dalam melaksanakan dasar dengan tadbir urus yang baik, negeri ini kekal sebagai destinasi pilihan pelabur. Ini jelas terbukti melalui pencapaian pelaburan tertinggi direkodkan

iaitu sebanyak RM8.9 bilion pada tahun 2022, peningkatan sebanyak 53 peratus berbanding RM5.8 bilion yang dicatatkan pada 2021.

8. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) juga menunjukkan perkembangan positif di mana Negeri Sembilan berjaya mencatatkan kadar pertumbuhan KDNK sebanyak 6.4 peratus pada tahun 2022, berbanding 3.1 peratus pada tahun sebelumnya (2021). Sumbangan terbesar KDNK negeri adalah daripada sektor perkhidmatan (51.5%) dan pembuatan (38.1%) yang menjadi asas kepada matlamat kita ke arah negeri berpendapatan tinggi. Walau bagaimanapun, sumbangan sektor lain seperti pertanian, terutamanya sub sektor agro-makanan, harus dipertingkatkan sebagai agenda

pembangunan yang akan memberi limpahan ekonomi dan sumber bekalan makanan bukan sahaja kepada penduduk negeri ini, malah di sekitar Lembah Klang.

9. Alhamdulillah, Beta juga ingin menzahirkan kesyukuran atas usaha Kerajaan Negeri meningkatkan hasil negeri dan mengurus kewangan dengan penuh integriti. Kesungguhan dan komitmen yang ditunjukkan oleh semua pihak telah membolehkan Kerajaan Beta berjaya melaksanakan kutipan hasil sebanyak RM521.22 juta, bersamaan 20.65 peratus melebihi sasaran untuk tahun lalu iaitu RM432 juta. Pencapaian ini sekaligus mengubah belanjawan Tahun 2022 daripada defisit RM88 juta kepada *surplus* RM31 juta. Tahniah

dan syabas Beta ucapkan kepada semua jabatan yang berjaya melaksanakan pencapaian yang luar biasa ini.

Pembangunan dan Penyampaian Perkhidmatan

10. Beta telah melihat kesungguhan Kerajaan Beta memantapkan sistem pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan untuk meningkatkan sosio ekonomi negeri ini. Ia dapat dilihat melalui momentum pertumbuhan ekonomi negeri yang semakin pulih khususnya pasca COVID-19, meliputi penglibatan masyarakat bandar dan luar bandar dalam pembangunan negeri di mana tidak ada golongan yang terpinggir.

11. Pembangunan negeri tidak hanya tertumpu kepada pencapaian ekonomi dan pembangunan fizikal semata-mata, tetapi secara kolektifnya melibatkan penyediaan kemudahan pendidikan, kesihatan, perumahan, infrastruktur, jaringan komunikasi, keselamatan dan pelbagai aspek lain di kawasan bandar dan luar bandar. Dalam mendepani segala keperluan ini, Beta yakin bahawa strategi yang berkesan telah disediakan oleh Kerajaan Beta melalui pelan pembangunan jangka panjang iaitu Rancangan Struktur Negeri 2045, Pelan Komprehensif Lembah Wawasan Malaysia dan pelan jangka sederhana iaitu Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan 2021-2025 (RPNS 2021-2025) serta Pelan Ekonomi Digital Negeri Sembilan 2023-2027 (PEDNS 2023-2027).

12. Dari aspek pentadbiran negeri, pemerkasaan tadbir urus, penambahbaikan sistem kerja dan kepelbagaian medium penyampaian perkhidmatan merupakan indikator penting ke arah kesejahteraan rakyat. Beta berasa sukacita dengan langkah proaktif agensi-agensi kerajaan yang telah mengubah pendekatan perkhidmatan dengan kerap melaksanakan kaedah turun padang. Pendekatan ini dapat memudahkan rakyat memperoleh perkhidmatan secara terus dan dapat berinteraksi secara langsung dengan agensi-agensi kerajaan. Selain itu, proses perundingan awam boleh dilaksanakan dengan mengambilkira pandangan rakyat dalam membuat setiap keputusan dan pelaksanaan kerangka utama pembangunan negeri.

Kebajikan dan Kesejahteraan Rakyat

Ahli-Ahli Dewan Sekalian,

13. Pencapaian yang cemerlang dari segi ekonomi, kewangan serta tadbir urus yang Beta lafazkan sebentar tadi adalah sesuatu yang wajar kita banggakan. Namun begitu, perkara utama yang perlu diterjemahkan ialah kesannya kepada rakyat yang masih dibelenggu dengan isu kos sara hidup, peluang pekerjaan dan jurang pendapatan antara kawasan bandar dan luar bandar.

14. Beta telah disebarkan maklum, Kerajaan Beta telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan rakyat tidak terlalu terbeban dengan kenaikan harga barang dan rakyat memperoleh bekalan makanan yang mencukupi. Untuk tujuan ini, pelbagai program pemerksaan ekonomi rakyat telah dilaksanakan meliputi pembangunan tanah-tanah terbiar, bantuan modal perniagaan, pensijilan industri halal *cottage*, bantuan peralatan tangkapan ikan kepada nelayan pantai, pemberian elaun sara hidup bulanan kepada pelajar-pelajar universiti, pemberian subsidi Rumah Harapan dan sebagainya.

15. Di samping itu juga, Kerajaan Beta telah melaksanakan inisiatif Jualan Harga Ladang Negeri Sembilan Prihatin untuk menangani isu kekurangan bekalan dan kenaikan harga barang keperluan asas. Melalui inisiatif ini, rakyat di negeri ini dapat membeli barangan keperluan dengan harga 20 hingga 30 peratus lebih murah daripada harga pasaran. Adalah diharapkan inisiatif ini telah memberi manfaat kepada rakyat di negeri ini dalam mendepani kenaikan kos sara hidup.

16. Program pembangunan sosio-ekonomi seperti agenda pemerckasaan ekonomi, pendigitalan dan penerimagunaan teknologi, keusahawanan serta pembangunan modal insan perlu dipergiatkan bagi merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi. Pada masa yang sama, Kerajaan Beta hendaklah

meneruskan usaha memerangi kemiskinan tegar melalui program pembasmian kemiskinan tegar seiring dengan matlamat pembangunan mampan ataupun *Sustainable Development Goals* (SDG) yang pertama, iaitu kemiskinan sifar bagi memastikan tahap kemiskinan tegar bertambah baik.

Perindustrian dan Keusahawanan

17. Untuk menjadi sebuah negeri berpendapatan tinggi, Beta menyeru supaya penumpuan diberikan kepada usaha menambah baik kemudahan menjalankan perniagaan dan meningkatkan pelaburan berkualiti ke arah menjana peluang pekerjaan berpendapatan tinggi untuk rakyat negeri ini,

terutamanya golongan belia. Beta juga menyokong usaha agar pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) terus diperkasakan. Antara pendekatan yang boleh dibuat termasuklah usaha sama di antara pihak awam dan swasta di mana pihak industri berkolaborasi dengan institusi TVET bagi memastikan semua graduan yang dilatih berdasarkan keperluan semasa industri setempat.

18. Pengajian sepanjang hayat perlu diterapkan menerusi program peningkatan kemahiran dan kemahiran semula bagi melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir dan separa mahir. Ia amat penting bagi memenuhi permintaan semasa yang semakin kurang memerlukan tenaga kerja tidak mahir yang kebanyakannya merupakan pekerja asing. Di samping itu,

penyediaan prasarana dan infrastruktur kawasan industri yang selamat dan kondusif perlu terus menjadi agenda utama. Usaha untuk menyediakan Kwarters Pekerja Berpusat ataupun *Centralised Labour Quarters* (CLQ) turut wajar diberikan perhatian bagi memastikan pengurusan dan kebajikan tenaga kerja sentiasa terpelihara.

19. Ekosistem industri juga hendaklah sentiasa dikawal selia dan ditambah baik seiring perkembangan semasa. Justeru, Beta menyambut baik matlamat menjadikan industri hiliran sebagai sektor yang menyokong industri utama di Negeri Sembilan melalui pemerksaan peranan sektor swasta serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Oleh itu, penyediaan infrastruktur dan akses kepada perkhidmatan

digital perlu terus dipertingkatkan selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional Tahun 2030 dan Pelan Ekonomi Digital Negeri Sembilan 2023-2027 (PEDNS 2023-2027).

Penutup

Ahli-Ahli Dewan Sekalian,

20. Mengakhiri titah, Beta menegaskan bahawa mandat yang diberikan merupakan amanah yang perlu diterjemahkan dengan penuh tanggungjawab. Ahli-ahli Yang Berhormat perlu fokus kepada agenda membangunkan negeri dan menyejahterakan rakyat. Jangan berbalah dan mengamalkan politik dendam yang akhirnya menyimpang daripada matlamat

utama untuk memajukan negeri yang tercinta ini. Oleh itu, kewajipan yang diberikan perlu dilaksanakan dengan penuh integriti dan akauntabiliti serta mengutamakan kepentingan negeri tanpa ada agenda kepentingan mana-mana parti politik ataupun peribadi. Perancangan dan pelaksanaan dasar perlu disegerakan agar rakyat negeri ini terus terbela kehidupannya dalam suasana masyarakat yang harmoni dan selamat. Kamu perlu sensitif dengan hasrat dan pandangan rakyat yang disuarakan melalui pelbagai ruang dan platform yang telah tersedia.

21. Ketahuilah bahawa kamu sentiasa diperhatikan dan dinilai oleh rakyat. Oleh yang demikian, berbahas dan berhujahlah secara rasional dan intelektual atas perkara-perkara yang

boleh membawa kebaikan dan manfaat bersama dengan mematuhi Peraturan-Peraturan Tetap Dewan sepanjang persidangan berlangsung. Beta juga ingin mengingatkan ahli-ahli dewan yang mulia ini agar sentiasa menghayati, melindungi, memelihara dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan.

22. Beta dan Tunku Ampuan Besar berdoa semoga Allah S.W.T akan sentiasa memberi rahmat dan Hidayah-Nya kepada seluruh rakyat Beta untuk terus dilimpahi kemakmuran yang berkekalan.

Dengan lafaz suci BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM, Beta merasmikan Pembukaan Persidangan Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri ke-15.

Sekian.

**Wabilahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**